



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN DAN PECAH TANAH
RESIDENSI SURIA MADANI**

29 OGOS 2024

**RESIDENSI SURIA MADANI
TAMAN DESA**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، والصلوة
والسلام على سيدنا محمد أشرف
المسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada pagi ini sempena Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Residensi Suria Madani di Taman Desa ini.

2. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kesudian hadir ke majlis ini walaupun atas kepadatan jadual beliau, kerana saya tahu, apa sahaja yang terkait dengan kemaslahatan rakyat seperti Residensi MADANI ini adalah suatu yang dekat di hati beliau. Thank you sir.

PENCAPAIAN DAN MATLAMAT RESIDENSI WILAYAH DI WILAYAH PERSEKTUAN

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

3. Program perumahan mampu milik di Wilayah Persekutuan telah mula diperkenalkan pada tahun 2013 menerusi Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan atau RUMAWIP yang kemudiannya dikenali sebagai Residensi Wilayah bermula pada tahun 2019 dan ianya memberi fokus kepada golongan berpendapatan sederhana rendah atau M40.

4. Menerusi program ini, Jabatan Wilayah Persekutuan telah menyasarkan sebanyak 80,000 unit rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 10 tahun iaitu bermula tahun 2018 hingga tahun 2028 bagi menyokong sasaran yang juga telah ditetapkan oleh pihak KPKT, iaitu dengan membina sebanyak 500,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara.

5. Pada ketika ini, sebanyak 62,968 unit merangkumi yang telah siap, sedang dalam pembinaan dan yang telah menerima Perintah Pembangunan melibatkan 93 projek secara keseluruhan telah berjaya dicapai di Wilayah Persekutuan.
6. Saya difahamkan bahawa Kumpulan Mah Sing adalah di antara syarikat yang terlibat dalam pembangunan Residensi Wilayah di mana 660 unit di Parlimen Batu yang telah pun siap diduduki pada tahun 2020.

**RESIDENSI MADANI WUJUDKAN
MASYARAKAT MADANI**

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

7. Sejajar dengan konsep Malaysia MADANI yang telah diluncurkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri pada 19 Januari 2023, Jabatan Wilayah Persekutuan telah menyahut hasrat YAB Perdana Menteri dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang MADANI, maju, terampil dan terangkum menerusi program perumahan mampu milik MADANI yang dikenali sebagai Residensi MADANI Wilayah Persekutuan.

8. Program Residensi MADANI

Wilayah Persekutuan ini merupakan pelengkap kepada program perumahan mampu milik sedia ada iaitu Residensi Wilayah di mana pada kali ini fokusnya adalah kepada golongan sasar melibatkan kumpulan rentan dan mereka yang berpendapatan sederhana rendah dan ke bawah atau B40.

9. Melalui program ini, kita telah memperkenalkan pelbagai kategori untuk penjualan dan sewaan mengikut keperluan serta berdasarkan kepada kemampuan golongan sasar tersebut. Permohonan juga dibuka khusus untuk warga Wilayah Persekutuan bagi yang belum pernah memiliki rumah atau *first home buyer*.

10. Unit kediaman di bawah Program Residensi MADANI adalah berkeluasan minimum yang selesa di antara 700 hingga 800 kaki per segi dengan harga jualan di antara RM 150,000 hingga RM 200,000 seunit.

11. Projek Suria MADANI hari ini yang akan kita lihat sebentar lagi adalah berharga RM 200,000 seunit dengan keluasan 800 kaki per segi.

INSENTIF DAN SOKONGAN DBKL DALAM MENJAYAKAN PEMBANGUNAN RESIDENSI SURIA MADANI

YAB Dato' Seri dan para hadirin sekalian,

12. Sebagaimana sebelum ini, Jabatan Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan terus menawarkan insentif dan kemudahan kepada mana-mana syarikat pemaju perumahan yang berminat untuk membangunkan rumah

mampu milik di Wilayah Persekutuan seperti **pengecualian kepada caj pembangunan** bagi komponen rumah mampu milik yang dibangunkan, **pengurangan sebanyak 50%** kepada sumbangan wang perkhidmatan kemajuan bagi tujuan pembinaan jalan, dan insentif-insentif lain tertakluk kepada kesesuaian lokasi, kemudahan dan lain-lain keperluan teknikal yang ditetapkan oleh DBKL.

13. Maka dengan itu, hasil kerjasama antara Jabatan Wilayah Persekutuan melalui DBKL bersama-sama pemaju seperti Kumpulan Mah Sing, Alhamdulillah kita telah berjaya menterjemahkan hasrat Perdana Menteri melalui pembangunan Residensi Suria MADANI ini sebanyak 800 unit secara keseluruhan dan Insya-Allah dijangka siap pada tahun 2028.

PENUTUP

YAB Dato' Sri dan para hadirin sekalian,

14. Pembangunan Residensi Suria MADANI ini juga dilihat bertepatan dengan hasrat Jabatan Wilayah Persekutuan dan juga DBKL dalam usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai “Bandar untuk semua”.

15. Ini kerana kedudukannya yang agak strategik berhampiran dengan bandar serta menawarkan akses mudah kepada perkhidmatan penting seperti MRT. Ini selari dengan pembangunan Transit Oriented Output (TOD) dan akan menjadikannya sebagai pilihan ideal kepada mereka yang mencari perumahan mampu milik tanpa mengorbankan keselesaan hidup di bandar dengan *connectivity* yang mudah dan bersepadu.

16. Ini juga selaras dengan visi saya perkenalkan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai CHASE City iaitu akronim kepada Clean City, Healthy City, Advanced City, Safe City dan Eco Friendly City sekaligus menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah bandar raya yang berdaya huni (*liveable*) bagi semua lapisan masyarakat.

17. Akan datang, Jabatan Wilayah Persekutuan dan agensi di bawahnya, akan terus komited dalam memastikan semua lapisan masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan akan mampu memiliki rumah sendiri. Untuk itu, kita telah pun mengenal pasti beberapa tapak lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga di Putrajaya untuk membangunkan lebih banyak unit kediaman di bawah Program Residensi MADANI. Di Putrajaya misalnya, sebanyak 1,336 unit Residensi MADANI Sentral sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2027.

18. Oleh itu, syabas dan tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menzahirkan hasrat MADANI seperti Residensi Suria. Saya percaya projek MADANI ini akan pasti dapat memberi manfaat kepada semua khususnya kepada golongan sasar dalam menjalani kehidupan yang lebih bermakna.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.